dagangnews.com
Berita Bisnes Anda

TERKINI - 26 Nov 2026 09:19 AM

DagangNews.com

Pengembangan armada Orkim perkukuh kapasiti operasi, empat kapal baharu pacu prospek FY27 - BIMB Securities



Oleh HAMDEN RAMLI
editor@dagangnews.com

KUALA LUMPUR 26 Nov - Pengembangan armada kapal menjadi strategi penting Orkim Berhad dalam memperkukuh kapasiti operasi dan meningkatkan sumbangan pendapatan, ketika syarikat pengangkutan marin itu bersedia memanfaatkan peluang pertumbuhan menerusi penghantaran empat kapal tambahan sepanjang 2026 hingga 2027.

Strategi penambahan kapasiti itu bukan sahaja menyokong pertumbuhan hasil kumpulan, malah berpotensi meningkatkan keupayaan Orkim meraih pendapatan lebih tinggi menerusi pembaharuan kontrak dan perjanjian sewaan kapal baharu.

Menurut BIMB Securities, pertumbuhan keuntungan Orkim pada tahun kewangan 2027 (FY27) dijangka lebih kukuh, disokong sumbangan secara berperingkat daripada penghantaran kapal tambahan serta potensi peningkatan kadar tambang kontrak (DCR).

"Kumpulan juga dijangka mengekalkan kadar penggunaan armada pada 91.5%, sekali gus menyokong prospek pertumbuhan pendapatan apabila kapasiti operasi bertambah," katanya dalam nota penyelidikan hari ini.

Kadar penggunaan armada stabil

Perkembangan itu dicerminkan menerusi prestasi suku ketiga berakhir 30 September 2026 (3QFY26), apabila hasil Orkim meningkat 29.4% tahun ke tahun (YoY) kepada RM94.4 juta, disokong pertambahan armada operasinya kepada 19 kapal berbanding 17 kapal dalam tempoh sama tahun sebelumnya.

Kadar penggunaan armada bagaimanapun kekal stabil pada 88.4% berbanding 88.8% pada 3QFY25.

Keuntungan sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan (EBITDA) turut melonjak 150.5% YoY kepada RM43 juta, menunjukkan sumbangan lebih tinggi daripada pengembangan armada berjaya mengimbangi peningkatan kos susut nilai dan pelunasan berkaitan pertambahan kapal serta perbelanjaan penyelenggaraan berjadual yang dipermodalkan.

Bagaimanapun, keuntungan bersih teras susut 17.7% berbanding suku sebelumnya kepada RM18.9 juta, berikutan kadar penggunaan armada lebih rendah apabila aktiviti penyelenggaraan berjadual dan kerja-kerja penyelenggaraan lain mengurangkan ketersediaan kapal untuk beroperasi.

BIMB Securities menjangkakan keadaan itu bersifat sementara, dengan potensi pemulihan kadar penggunaan armada pada suku keempat 2026 (4QFY26) selepas kerja-kerja penyelenggaraan berjadual selesai.

Pemulihan operasi itu dijangka membantu mengimbangi sebahagian peningkatan kos susut nilai dan pembiayaan yang berkaitan dengan pengembangan armada.

Pulangan kepada pemegang saham

Dalam perkembangan berkaitan pulangan kepada pemegang saham, Orkim mengisytiharkan dividen interim pertama sebanyak 4.6 sen sesaham, bersamaan nisbah pembayaran kira-kira 70% dan hasil dividen sekitar 7.4%.

Satu lagi dividen interim dijangka diumumkan pada 4QFY26.

Sementara itu, BIMB Securities mengekalkan unjuran pendapatan FY26 hingga FY28 serta saranan **BELI** terhadap saham Orkim dengan harga sasaran berasaskan aliran tunai terdiskaun (DCF) tidak berubah pada RM1.05.

Harga sasaran itu membayangkan gandaan nilai perusahaan kepada EBITDA (EV/EBITDA) FY26 sebanyak 7.1 kali.

Penilaian semasa saham Orkim dilihat masih menarik berdasarkan kestabilan pendapatan, pendedahan kepada sektor kapal tangki yang bersifat defensif dan potensi hasil dividen yang menarik.

Antara pemangkin yang boleh mendorong penilaian semula saham kumpulan termasuk peningkatan DCR menerusi pembaharuan kontrak dan margin keuntungan lebih baik daripada jangkaan. **- DagangNews.com**